

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01 / 09 / 2007

# Reaksi Dr. Mahathir

um - 1/9/2007

KUALA LUMPUR 31 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara tahun ini sebagai yang paling manis dan bermakna baginya.

“Saya bersyukur kerana dapat menikmati kemerdekaan kali ini dan tahniah kepada penganjur. Acara hari ini sangat istimewa bagi saya terutamanya segmen yang memaparkan perjuangan serta sumbangan lima Perdana Menteri sepanjang 50 tahun,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan acara perbarisan di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang digelar Bapa Pemoendan menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat mulai 1981 hingga 2003 sebelum bersara dan menyerahkan jawatan itu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober 2003.

Bekas presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik pula berharap supaya keharmonian

yang wujud pada masa ini akan berterusan selama-lamanya.

“Dalam perayaan hari ini kita dapat lihat pelbagai kaum bersatu dalam menjayakan kemerdekaan dan saya harap perpaduan dan keharmonian ini akan menjadi asas kepada pembangunan negara pada masa depan,” katanya.

Katanya, sambutan hari ini adalah yang terbaik dengan kehadiran ramai pemimpin asing menyaksikan kemajuan negara selepas 50 tahun merdeka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memuji acara sambutan jubli emas kemerdekaan negara tahun ini yang dianggap berjaya mengangkat martabat wanita era moden.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein turut memuji komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan peserta perarakan.

“Saya berasa bangga, lebih-lebih lagi melihat semangat perpaduan yang cukup hebat,” katanya.